

PERKHIDMATAN PEKERJAAN AWAM DAN SWASTA DI MALAYSIA

Muji Hassim

Ratana Sarimin

Siti Noraida Mohd Uder@suhami

Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)

Pengenalan

Pandemik COVID-19 dan krisis pekerjaan yang berlaku menyebabkan perkhidmatan pekerjaan dalam negara menjadi fokus utama dan penting untuk memadankan pencari kerja dengan kekosongan yang ada, membantu majikan mencari pekerja yang mereka perlukan dan menyokong kedua-dua pihak dalam menyesuaikan diri kepada gangguan pasaran yang berlaku tidak kira sama ada peranan itu dimainkan oleh perkhidmatan pekerjaan awam mahupun swasta.

Malaysia yang terletak di Asia Tenggara terkenal dengan budaya dan kepelbagaiannya. Keunikan ini membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara dari semasa ke semasa ke peringkat yang lebih kukuh. Pencapaian pertumbuhan 8.7% untuk tahun 2022 disokong oleh prestasi ekonomi yang kukuh pada suku keempat tahun 2022 yang antara lain melihat pemulihan perbelanjaan dan pelaburan swasta, penurunan pengangguran serta pengukuhan matawang Ringgit.

Antara indikator ekonomi yang menunjukkan trend pertumbuhan adalah pasaran buruh yang mengekalkan tahap guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran berkurang sebanyak 0.6 peratus kepada 3.5 peratus pada suku pertama 2023 berbanding 4.1 peratus pada suku pertama 2022. Trend penurunan ini dijangka berterusan selaras dengan pelaksanaan dan usaha mempelbagaikan program penstabilan pekerjaan serta prospek perniagaan yang lebih baik. Situasi ini akan membuka ruang kepada para pemain industri dan pencari kerja khususnya supaya memanfaatkan peluang pasaran pekerjaan yang telah mula berkembang semula di negara ini.

Perkhidmatan Pekerjaan di Malaysia

International Labour Organization (ILO) telah menyediakan rangka kerja bagi pengawalseliaan perkhidmatan pekerjaan melalui dua piawaian buruh antarabangsa iaitu Konvensyen Perkhidmatan Pekerjaan, 1948 (No. 88) dan Konvensyen Agensi Pekerjaan Swasta, 1997 (No. 181).

ILO menggalakkan negara anggota untuk meratifikasi dan melaksanakan kedua-dua konvensyen untuk memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat supaya pasaran buruh dapat berfungsi secara optimum. Konvensyen ini mempromosikan perkara-perkara seperti berikut :-



- i. Perkhidmatan penempatan dan pengambilan yang dipercayai;
- ii. Padanan kemahiran yang lebih baik dengan memenuhi keperluan pasaran;
- iii. Peraturan seimbang yang membolehkan perniagaan djalankan dan pekerja dilindungi;
- iv. Proses pengambilan yang lebih bertanggungjawab dan adil; dan
- v. Pengurangan pekerjaan tidak formal.

Bagi tujuan Konvensyen No. 181, istilah pekerja termasuk pencari kerja dan konvensyen ini mentakrifkan Agensi Pekerjaan Swasta (APS) sebagai mana-mana perusahaan atau orang, bebas daripada pihak berkuasa awam, yang menyediakan satu atau lebih daripada perkhidmatan pasaran buruh berikut:

- i. perkhidmatan untuk memadankan tawaran dan permohonan pekerjaan;
- ii. perkhidmatan untuk menggaji pekerja dengan tujuan untuk menyediakan mereka kepada pihak ketiga; atau
- iii. perkhidmatan lain yang berkaitan dengan mencari pekerjaan seperti menyediakan maklumat untuk memadankan tawaran khusus dan permohonan pekerjaan.

Landskap pengambilan pekerja perlu sentiasa bertindakbalas dengan keperluan pasaran buruh. Peranan perkhidmatan pekerjaan swasta yang semakin meningkat pada masa kini adalah hasil daripada beberapa faktor seperti pasaran buruh yang cepat berubah dan fleksibel, kekangan dalam operasi perkhidmatan pekerjaan awam dan penggunaan lain-lain saluran atau rangkaian untuk tujuan penempatan pekerjaan. Industri perkhidmatan pekerjaan swasta telah berkembang untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan pasaran buruh bagi mengisi jurang dalam pasaran buruh dengan memadankan pekerja dengan majikan.

PERKHIDMATAN PEKERJAAN DI MALAYSIA

i. Portal Perkhidmatan Awam Malaysia – Sektor Kerajaan



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah ditubuhkan pada 31 Ogos 1957, iaitu bersamaan dengan hari Kemerdekaan Tanah Melayu pada ketika itu. Pada awalnya, semasa penjajahan Inggeris, Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri Tanah Bersekutu Melayu ketika itu di bawah pentadbiran Inggeris.

Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 telah dengan sendirinya membentuk pemerintahan baru Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dan berdaulat. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah dibentuk secara rasminya sebagaimana termaktub dalam Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan:

"Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang ada dan kepada peruntukan Perlembagaan ini, maka adalah menjadi kewajipan sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya."

Portal SPA boleh dilayari di pautan <https://www.spa.gov.my/spa/>, manakala suruhanjaya perkhidmatan awam negeri mempunyai pautan yang berbeza mengikut negeri masing-masing.

ii. Portal MyFutureJobs PERKESO

Di Malaysia, pada masa ini, peranan perkhidmatan pekerjaan awam dilaksanakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) melalui Bahagian Sistem Insurans



Pekerjaan (SIP) yang menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti portal pekerjaan yang dikenali sebagai MYFutureJobs, panduan kerjaya, peningkatan kemahiran dan perlindungan pekerjaan.

MYFutureJobs merupakan portal pekerjaan nasional yang menyediakan platform pekerjaan universal dan perkhidmatan pasaran buruh percuma untuk semua pencari kerja, dan majikan yang ingin mendapatkan tenaga kerja. MYFuturejobs turut menyediakan platform pencarian pekerjaan melalui kerjasama bersama rakan strategik serta agensi pekerjaan swasta yang terdapat di Malaysia untuk meningkatkan peluang pekerjaan bagi pencari kerja di dalam negara.

Selain itu, PERKESO turut menyediakan perkhidmatan Pusat Sehenti MYFutureJobs bagi tujuan seperti berikut :-




iii. Agensi Pekerjaan Swasta

Kerajaan Malaysia mengiktiraf peranan Agensi Pekerjaan Swasta (APS) dalam memadankan majikan dengan pekerja dan menempatkan mereka untuk memenuhi permintaan tenaga kerja. Pihak Kerajaan sentiasa menyokong aktiviti yang dilakukan oleh perkhidmatan pekerjaan swasta untuk meningkatkan peluang pekerjaan dalam negara. Di Malaysia, agensi pekerjaan swasta dikawal oleh Akta Agensi Pekerjaan 1981 (Akta 246), di mana individu atau organisasi yang bertindak sebagai perantara antara majikan dan pencari kerja dikehendaki mematuhi peruntukan Akta 246 seperti berikut :



Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] telah dipinda dan telah dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) termasuk Sabah dan Sarawak mulai 1 Februari 2018. Sebelum pindaan 2017, Akta 246 hanya memperkenalkan dua (2) jenis lesen iaitu lesen bagi penempatan pencari kerja di dalam Malaysia dan kebenaran endorsan bagi penempatan pencari kerja di luar negara. Selepas pindaan 2017, Akta 246 telah memperkenalkan tiga (3) kategori lesen dengan aktiviti yang dibenarkan seperti berikut:

Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekerja bukan warganegara di dalam Malaysia.



Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam Malaysia.

Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekhidmat domestik asing di dalam Malaysia.

Bilangan agensi pekerjaan swasta aktif di Malaysia sehingga Disember 2022, adalah sebanyak **1,288 agensi**. Mengikut rekod jumlah wang jaminan terkumpul sehingga tempoh yang sama adalah sejumlah **RM 209,850,000.00**. Wang jaminan ini perlu didepositkan oleh APS bagi permohonan lesen mengikut amaun yang ditetapkan mengikut kategori lesen. Wang jaminan ini bertujuan untuk dicairkan sekiranya terdapat sebarang pelanggaran syarat yang menyebabkan kerugian kepada pekerja atau majikan. Wang jaminan ini boleh digunakan bagi situasi seperti membantu mangsa yang teraniaya atau terkandas di luar negara atau lain-lain-lain tempat dalam negara, kos pengangkutan pulang, makanan, minuman, pakaian, tempat penginapan sementara dan lain-lain kos berkaitan.

Statistik Agensi Pekerjaan Swasta Aktif Tahun 2022 dan Jumlah Wang Jaminan Terkumpul

	JTK Semenanjung Malaysia	JTK Sabah	JTK Sarawak	Jumlah
Bilangan Aktif Mengikut Jenis Lesen	Lesen A	308	15	6
	Lesen B	305	1	3
	Lesen C	563	59	28
Jumlah	1176	75	37	1,288
Jumlah Wang Jaminan Terkumpul	Lesen A	15,400,000.00	750,000.00	300,000.00
	Lesen B	30,500,000.00	100,000.00	300,000.00
	Lesen C	140,750,000.00	14,750,000.00	7,000,000.00
Jumlah	186,650,000.00	15,600,000.00	7,600,000.00	209,850,000.00



World Employment Confederation menjelaskan bahawa industri perkhidmatan pekerjaan swasta menyediakan pelbagai perkhidmatan sumber manusia yang utama seperti berikut :



DATA PASARAN BURUH DARIPADA PORTAL PERKHIDMATAN PEKERJAAN

Secara umumnya portal perkhidmatan pekerjaan akan mempunyai data pencari kerja, majikan, tawaran kekosongan jawatan mengikut sektor, dan lokaliti serta maklumat berkaitan penggajian. Analisis data-data ini amat penting kerana ia akan memberikan gambaran jelas permintaan dan penawaran tenaga buruh dalam negara. Trend analisis juga akan membantu pengurusan dasar pasaran buruh negara.

a. Laporan Sistem Insurans Pekerjaan

Laporan ini diterbitkan oleh PERKESO secara mingguan yang memaparkan maklumat berkaitan penempatan pekerjaan, bilangan pencari kerja aktif, bilangan kehilangan pekerjaan dan lain-lain. Jadual dan graf di bawah menunjukkan antara statistik yang dilaporkan melalui laporan Sistem Insurans Pekerjaan tersebut:


Bilangan Pencari Kerja dan Kekosongan Jawatan

	2021	2022	2023
Jumlah Kekosongan Kumulatif	2,480,577	4,753,418	729,314
Jumlah Kekosongan Aktif	-	-	183,322
Jumlah Pencari Kerja	879,601	543,354	124,040

Sumber : Laporan EIS Minggu 15, 2023



Kekosongan Jawatan di MYFutureJobs bagi tempoh 1 Januari - 24 Februari 2023 Mengikut Kategori Pekerjaan



b. Laporan Job Market Insights

Job Market Insights (JMI) adalah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) mulai 2019. JMI ialah keluaran suku tahunan berdasarkan jawatan kosong yang diiklankan dalam talian di laman web agensi pekerjaan swasta yang popular.



Laporan ini mengandungi maklumat tentang kekosongan jawatan mengikut jenis pekerjaan, aktiviti ekonomi, negeri, kemahiran dan bidang pengajian. Walau bagaimanapun, buat masa ini laporan yang dikeluarkan masih belum mewakili keseluruhan kekosongan jawatan di Malaysia. Rajah dibawah merupakan antara maklumat yang diterbitkan melalui JMI.



JUMLAH KEKOSONGAN JAWATAN



KEKOSONGAN PEKERJAAN MENGIKUT TVET, COL DAN STEM



ST1 2023

	TVET	STEM	COL
TVET	139,363		
STEM	54,181		
COL	109,341		

ST4 2022

	TVET	STEM	COL
TVET	139,133		
STEM	50,572		
COL	94,909		

(i) • Kekosongan pekerjaan dalam kategori-kategori di atas adalah tidak saling eksklusif.
• % - Bahagian peratusan kepada kekosongan jawatan

5 PEKERJAAN TERHANGAT

01	Profesional Pengiklanan & Pemasaran	→ 17,409
02	Pengaroh Urusan & Ketua Eksekutif	→ 9,335
03	Akauntan & Juruaudit	→ 8,605
04	Profesional Bersekutu Pentadbiran	→ 8,261
05	Pembangun Perisian	→ 6,528

5 KEKOSONGAN PEKERJAAN TERTINGGI MENGIKUT TVET, COL DAN STEM

	TVET	STEM	COL
01. Profesional Pengiklanan Dan Pemasaran	17,409	01. Juruteknik	2,005
02. Profesional Bersekutu Pentadbiran	8,261	02. Pengurus Projek	1,667
03. Jurutera Perisian	6,528	03. Jurutera Perisian	1,643
04. Profesional Pentadbiran	5,486	04. Pereka Grafik	1,391
05. Profesional Perhubungan Awam	5,274	05. Jururukuh Bahan	1,096

(i) TVET merangkumi pembelajaran secara formal, bukan formal dan tidak formal yang menyediakan golongan muda dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan.

(i) Pekerjaan STEM adalah pekerjaan yang memerlukan pendidikan dalam jurusan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

Berdasarkan COL 2019/2020, merentasi 18 sektor ekonomi di Malaysia, ia berhasrat menjadi instrumen utama untuk menggalakkan penyelarasan dasar modal insan yang lebih baik berjayaan menarik, memupuk dan mengekalkan bakat.

Nota: Jawatan yang tersemari di bawah kategori STEM, TVET atau COL adalah tidak eksklusif bagi sesuatu kategori sahaja. Ia boleh wujud dalam ketiga-tiga kategori pada masa yang sama.

JUMLAH KEKOSONGAN JAWATAN* & JUMLAH SYARIKAT MENAWARKAN PEKERJAAN



211,509
JUMLAH KEKOSONGAN JAWATAN



55,006
SYARIKAT YANG MENAWARKAN PEKERJAAN

KEKOSONGAN JAWATAN* MENGIKUT PEKERJAAN



5 KEKOSONGAN JAWATAN* TERTINGGI MENGIKUT NEGERI



ST1 2023	62,727	39,990	12,150	7,278	4,494
ST4 2022	77,326	30,176	16,397	5,844	4,275

5 KEKOSONGAN JAWATAN* TERTINGGI MENGIKUT AKTIVITI EKONOMI

ST1 2023

35,956	Perdagangan Borong & Runcit, Pembuatan Kenderaan Bermotor & Motosikal
21,499	Pembuatan
13,852	Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal
13,326	Aktiviti Kewangan & Insurans/Takaful
11,877	Pembinaan

ST4 2022

62,113	Perdagangan Borong & Runcit, Pembuatan Kenderaan Bermotor & Motosikal
26,974	Pembuatan
17,261	Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman
15,252	Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal
14,040	Pembinaan

Nota:
* - Jawatan kosong dilakukannya secara dalam talian

Sumber : Job Market Insights Suku Pertama, 2023



KEPERLUAN ANALISIS MAKLUMAT PASARAN BURUH: DATA PERKHIDMATAN PEKERJAAN AWAM DAN SWASTA

Pembangunan Sistem Analitik Maklumat Pasaran Buruh (LMIAP) merupakan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu menjajarkan semula pasaran buruh untuk pertumbuhan yang inklusif dan mampan. Pembangunan LMIAP bertujuan untuk



memperkuatkan sistem yang menyokong pasaran buruh yang akan menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran bakat tempatan dan mengurangkan ketidaksepadanan kemahiran dalam pasaran buruh. Antara peranan utama LMIAP adalah sebagai hub pasaran buruh komprehensif yang memberi maklumat hampir tepat bagi penawaran dan permintaan buruh melalui Portal Perkhidmatan Pekerjaan.

Portal Perkhidmatan Pekerjaan di Malaysia terdiri daripada portal awam iaitu MyFutureJobs dan portal swasta seperti Jobstreet, Maukerja, Linkedin dan lain-lain. Kedua-dua jenis portal awam dan swasta mempunyai data permintaan dan penawaran pasaran buruh di Malaysia.

Analisis kekosongan jawatan di dalam negara merupakan antara indikator pasaran buruh utama yang diperlukan oleh pelbagai pihak terutama pencari kerja yang terdiri daripada pelajar atau graduan yang baru menamatkan pengajian mereka atau mereka yang baru kehilangan pekerjaan. Selain itu juga golongan yang ingin meningkatkan kerjaya mereka turut memerlukan maklumat kekosongan jawatan di dalam negara.

Analisis kekosongan jawatan yang dihasilkan daripada data agensi pekerjaan awam dan swasta adalah gaji yang ditawarkan mengikut sektor, kategori pekerjaan dan lokaliti. Ini merupakan indikator permintaan pasaran buruh. Manakala analisis data pencari kerja yang berdaftar dengan agensi pekerjaan awam dan swasta pula akan memberikan senario penawaran pasaran buruh secara lengkap demografi pencari kerja seperti umur, jantina, pendidikan, kemahiran dan cadangan gaji yang diminta oleh pencari kerja. Analisis secara berkala data ini akan memberikan trend permintaan dan penawaran buruh di dalam negara yang sangat penting untuk pembuatan dasar dan polisi yang berkaitan gunatenaga dalam negara.

Tidak semua agensi pekerjaan swasta mempunyai keupayaan untuk membuat analisis permintaan dan penawaran pekerjaan berdasarkan data yang dikumpul oleh mereka. JobStreet Malaysia telah mengeluarkan laporan berkaitan gaji menerusi *Jobstreet Salary Report* secara tahunan. *Salary Report* merupakan panduan kepada pencari kerja atau majikan tentang gaji yang ditawarkan di Malaysia dengan menggunakan data yang terdapat di dalam portal pencari kerja JobStreet. Laporan ini juga membuat perbandingan data antara tahun dan ini akan menunjukkan sama ada berlaku peningkatan atau pengurangan di dalam permintaan atau penawaran pasaran buruh di Malaysia berdasarkan data yang disimpan di dalam portal JobStreet Malaysia. Manakala MyFutureJobs pula mengeluarkan laporan mingguan dan bulanan tentang kekosongan jawatan dan pencari kerja yang berdaftar di portalnya.



Sehubungan itu satu mekanisme perlu dilaksanakan segera bagi membolehkan data perkhidmatan pekerjaan awam dan swasta dapat diselaraskan dan dianalisis secara lebih mendalam menggunakan analisis data raya. Situasi pengumpulan dan analisis data perkhidmatan pekerjaan di Malaysia masih belum dianggap stabil kerana data perkhidmatan pekerjaan yang disediakan oleh APS tidak dianalisis dengan sempurna. Ini telah menyebabkan kelompong di dalam analisis data perkhidmatan pekerjaan yang disediakan oleh agensi kerajaan yang berkaitan. Justeru itu adalah wajar sekiranya agensi kerajaan yang diberikan kuasa untuk mengawalselia perkhidmatan pekerjaan di Malaysia melaksanakan analisis data perkhidmatan pekerjaan secara 360 darjah merentasi agensi pekerjaan awam dan swasta.

Rujukan

DOSM. (2023). *Job Market Insight and My Job Profile Fourth Quarter 2022*. Department of Statistics Malaysia. <https://v2.dosm.gov.my/portal-main/release-content/1f7297e0-d908-11ed-af30-1866daa77ef9>

Employment Service Convention, 1948 (No.88). International Labour Organization (ILO)

Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh. (2022). *Kajian Perlindungan Keselamatan Sosial Rakyat Malaysia Bekerja di Luar Negara: Singapura*. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Private Employment Agencies Convention, 1997 (No.181). International Labour Organization (ILO)

Siaran Media. (11 November 2022). Kementerian Kewangan Malaysia
<https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/siaran-media>

Utama. (2023). <https://www.perkeso.gov.my/>

Weekly Report (2023) Employment Insurance System as of 14th April 2023. Employment Information and Analysis Services (EIAS), Employment Insurance System Office.
[EIS-REPORT.pdf \(perkeso.gov.my\)](https://www.perkeso.gov.my/EIS-REPORT.pdf)

Portal Insurans Pekerjaan PERKESO. <https://www.perkeso.gov.my/perkhidmatan-kami/perlindungan/insurans-pekerjaan.html>



"Statistics Bloom in Harmony"

Doesn't matter far or near
Strength in numbers
we don't live in fear

Birds of feather flock together
Statistics our form of adour
We, will always live it up

Prechorus
So let us live in solidarity
And in the world arena we'll succeed
It is statistics that will come to be
The reason we will bloom in harmony

Chorus

Everybody undivided
Data's where our hearts reside in
There will always be a bind

Just like fire that ignites
That's how brightly lit our dreams are
We'll reach higher than the stars

Sending love to one another
Leaving no one in a slumber
We will stand with unity

Mustering our courage while
Embracing our disparities
We'll achieve our victory

One dream with unity
One love with harmony

"Statistik Segalanya Pasti"

Tak kira walau apa
Cabaran dan aral melintang
Statistik meringankan
Segala beban yang menjelma
Gementar tiada


Prechorus
Bersama kita teguh hadapi
Bentala dipenuhi misteri
Namun statistik kan melindungi
Statistik petunjuk realiti

Chorus
Kesejahteraan negara
Perpaduan seluruh bangsa
Dengan irama data
Tidak hanya berbicara
Pagi hingga ke senja
Semangat yang terus membara
Data dan kehidupan berteraskan harapan
dan impian kemakmuran
Segalanya pasti
Bergalaskan strategi
Menuju aspirasi

Harapan.. Keamanan
Impian... Kedamaian..



Perkhidmatan Atas Talian DOSM



Imbas untuk ke
Portal Perkhidmatan
Atas Talian DOSM



OpenDOSM



Visual Interaktif



Kawasanku



20 OKT



2016 - 2023



Hubungi kami



www.dosm.gov.my



info@dosm.gov.my



data@dosm.gov.my



+6 03 8885 7000



+6 03 8888 9248